

# Pertingkat insentif e-dagang selamatkan sektor runcit

**Nampaknya** nasib tidak menyebelahi sektor peruncitan tahun ini kerana pandemik COVID-19 membawa pelbagai masalah kepada peniaga. Oleh itu, insentif e-dagang perlu ditingkat atau diteruskan dalam Belanjawan 2021 bagi membantu memulihkan sektor penting ini.

Pengakhiran tempoh moratorium September lalu, antara sebab besar pengguna lebih berhati-hati berbelanja. Pembuangan pekerja dan pemojangan gaji antara sebab lain untuk pengguna menyekat perbelanjaan.

Sebelum moratorium berakhir, Kumpulan Runcit Malaysia (RGM) melaporkan industri peruncitan bagi suku kedua tahun ini mencatatkan penguncupan paling teruk dalam 33 tahun, iaitu 30.9 peratus.

Ini disebabkan peniaga dan pusat beli-belah tidak dibenarkan beroperasi pada kapasiti penuh ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga menjejaskan prestasi mereka.

Melihat keadaan ekonomi semasa, RGM menyemak semula unjuran pertumbuhan sektor peruncitan tahun ini daripada penguncupan 8.7 peratus kepada lebih teruk, 9.3 peratus.

Lebih teruk, jangkitan COVID-19 mula dikesan di pusat beli-belah sejak

akhir September, terutama di Lembah Klang. Kejutan ini menyebabkan pembeli semakin risau untuk mengunjungi tempat yang biasanya dipenuhi ramai.

Menurut *Malaysian Reserve*, perubahan landskap peruncitan sejak kemunculan COVID-19 dijangka membawa penutupan lebih 51,000 kedai runcit dalam empat hingga lima bulan akan datang.

Keadaan ekonomi kurang baik dan kenaikan kes COVID-19 menjejaskan perbelanjaan di kedai runcit akan menyebabkan ramai hilang mata pencarian.

Pihak pengurusan pusat beli-belah mengambil langkah pencegahan betul dengan memastikan keselamatan pem-

beli melalui proses sanitasi lengkap dan pembasmian kuman serta pembersihan kawasan dijangkiti COVID-19.

Pemulihan sektor peruncitan mempunyai kebergantungan tinggi pada tanggungjawab setiap individu mengurangkan bilangan jangkitan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Sebagai alternatif, peniaga perlu memanfaatkan teknologi melalui e-dagang kerana kebanyakan orang menyesuaikan diri dengan membeli-belah dalam talian, sekali gus tidak memerlukan mereka pergi ke kedai.

Berdasarkan kaji selidik EMIR Research pada suku ketiga tahun ini, pe-

serta bersetuju pandemik COVID-19 melahirkan ekonomi bergantung pada teknologi.

Dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), kerajaan memperuntukkan perbelanjaan bagi membantu perniagaan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memanfaatkan platform e-dagang dengan kerjasama beberapa syarikat e-dompot.

Pelbagai faedah disediakan untuk peniaga melalui PENJANA seperti program latihan, subsidi penjual, geran padanan dan automasi serta pinjaman untuk peniaga mendigitalkan perkhidmatan.

Baucar diskaun melalui platform e-dagang juga diberikan kepada pengguna dalam usaha meningkatkan pembelian dalam talian.

Insentif ini hanya berlangsung hingga September dan perlu dilanjutkan sekurang-kurangnya hingga hujung tahun ini memandangkan prospek sektor peruncitan tidak menentu sekarang.

Norma baharu sudah muncul di seluruh dunia dan teknologi menjadi pemandu untuk proses ini. Jadi, alternatif dalam talian perlu dijadikan sebagai norma baharu kepada peniaga untuk bertahan dalam krisis yang belum pernah terjadi sebelum ini.

**Penulis adalah** Penganalisis Penyelidik di EMIR Research



Sofea Azahar

